



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

PERKESO

KENYATAAN TENDER

Tawaran tender adalah dipelawa daripada petender-petender yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam kelayakan berkaitan bagi perkara berikut:-

BIL	TAJUK TENDER	RUJUKAN TENDER	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH TAKLIMAT TENDER	HARGA DOKUMEN
1	Tender Bagi Cadangan Kerja-Kerja Pemasangan Lapisan Kalis Air, Mengecat Luar Dan Dalam (Ruang Gunasama) Bangunan, Penggantian Tinted Films Dan Kerja-Kerja Lain Berkaitan Di Menara PERKESO Jalan Ampang	T/PKS 3/2026(M)	i. Berdaftar Dengan <i>Construction Industry Development Board</i> Malaysia (CIDB) di bawah Gred G4, Kategori B, Pengkhususan B04 dan (B08 atau B14) dan ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan	13 Mei 2026 (Rabu) 10.00 pagi Dewan INTAN, Tingkat 8, Menara PERKESO, Jalan Ampang (Kehadiran Taklimat Tender Adalah DIWAJIBKAN)	RM200.00 Tarikh beli Dokumen Tender pada 13/05/2026 (selepas taklimat) hingga 25/05/2026 Tarikh tutup tender pada 08/06/2026
2	Tender Bagi Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Panel HT Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Bangunan Menara PERKESO, Jalan Ampang, Kuala Lumpur	T/PKS 5/2026(M)	i. Berdaftar Dengan <i>Construction Industry Development Board</i> Malaysia (CIDB) di bawah Gred G4, Kategori ME, Pengkhususan E05 dan ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan	13 Mei 2026 (Rabu) 11.30 pagi Dewan INTAN, Tingkat 8, Menara PERKESO, Jalan Ampang (Kehadiran Taklimat Tender Adalah DIWAJIBKAN)	RM200.00 Tarikh beli Dokumen Tender pada 13/05/2026 (selepas taklimat) hingga 25/05/2026 Tarikh tutup tender pada 08/06/2026

Dokumen Meja Tender dipamerkan di Bahagian Perolehan, Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur. Dokumen Tender boleh dibeli mulai pada tarikh yang dinyatakan di atas pada waktu pejabat dengan menggunakan Wang Pos/Kiriman Wang/Draf Bank atau bayaran secara atas talian melalui Akaun Maybank 564016400646 atas nama Ketua Eksekutif PERKESO dengan nilai seperti yang tercatat di atas dan tidak akan dikembalikan. Bayaran secara tunai atau cek persendirian tidak akan diterima. Dokumen boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur.

Bagi tujuan pembelian dokumen tender, tuan/puan dikehendaki membawa dokumen seperti yang dinyatakan di atas (asal dan salinan) yang masih dalam tempoh sah laku bagi kelayakan yang ditetapkan. Sila bawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh penama yang diberi kuasa, jika penama tidak dapat hadir.

Sebarang pertanyaan boleh disalurkan melalui emel enquirytender@perkeso.gov.my

Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri nombor rujukan tender dan diserahkan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tarikh yang dinyatakan di atas ke alamat berikut:-

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Pertubuhan Keselamatan Sosial

Bahagian Perolehan, Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur

Dokumen tawaran tidak akan diterima selepas jam/tarikh tutup tender. PERKESO tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tender yang terendah serta tidak bertanggungjawab memberi sebarang alasan atas penolakan tender dan keputusan adalah muktamad.

Diiklankan pada 6 Mei 2026 (Rabu),


AHMAD AINA BIN AINI
Pegawai Tadbir (Perolehan)
Bahagian Perolehan
Pertubuhan Keselamatan Sosial